

Pustakawan disaran kuasai bidang IT

Kuala Lumpur: Pustakawan perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan isu semasa, aktif dalam media sosial dan mahir dalam pelbagai aplikasi Internet supaya kekal relevan dengan perkembangan dunia teknologi maklumat (IT).

Eksekutif Kanan Outreach CyberSecurity Malaysia, Aaron Ikram Mokhtar berkata, pustakawan masih dianggap sebagai gerbang ilmu, namun skop tugasnya hari ini kian luas seiring kecanggihan teknologi semasa.

“Di alam siber umpamanya, ramai yang mula bertanya apakah fungsi pustakawan selepas Internet digunakan secara meluas dalam melengkapkan rutin harian.

“Jika dulu, kita mencari ilmu di perpustakaan, hari ini maklumat diperoleh di hujung jari dan dalam waktu singkat.

“Ramai tidak sedar wujudnya keperluan menapis dan mengenal pasti maklumat tepat yang perannya wajar diambil alih pustakawan,” katanya.

Beliau ditemui *Harian Metro* selepas menyampaikan ucap tama di Persidangan Mengenai Pustakawan bagi

Dunia Siber di sini, semalam.

Menjelaskan lanjut, Aaron berkata, pustakawan tidak seharusnya pakar dalam mengesyorkan buku rujukan tepat saja, tapi perlu mahir dalam selok-belok IT.

“Pada zaman Internet, fungsi pustakawan masih sama. Bezanya, mereka bukan pakar buku semata-mata tetapi turut pakar dalam carian Internet serta berkebolehan menggunakan aplikasi berkaitan.

“Contoh sebegini boleh dilihat di perpustakaan besar, maju dan menerima banyak kunjungan. Mereka bersifat relevan dengan menawarkan makmal komputer dan mengadakan banyak program siber sesuai dengan kehendak semasa.

“Dalam isu keselamatan, pustakawan seharusnya tahu bagaimana hendak menjaga keperibadian pengguna Internet dengan mencadangkan aplikasi bersesuaian,” katanya.

Mengenai persediaan pustakawan, Aaron berkata, golongan itu harus bersikap peka dengan isu semasa supaya dapat menjadi pandu arah tepat kepada pencari maklumat.